

13 AUG 2002

Ling-Utar/I

UTAR AMBIL LEBIH RAMAI PELAJAR PELBAGAI KAUM TAHUN DEPAN

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) akan mengambil lebih ramai pelajar berbilang kaum pada tahun depan, kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Dr Ling yang juga pengerusi Jawatankuasa Pemandu Utar, berkata universiti itu akan memberi perhatian serius bagi mewujudkan kampus yang bercirikan pelbagai kaum dan akan berusaha keras bagi mencapai matlamat itu pada pengambilan akan datang.

"Kita sedang berusaha ke arah itu dengan bantuan kaunselor di peringkat sekolah menengah," katanya kepada pemberita selepas pelancaran Utar oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Utama, Kolej Tunku Abdul Rahman di sini hari ini.

Beliau berkata kaunselor-kaunselor sekolah dapat meningkatkan kesedaran di kalangan pelajar semua kaum mengenai Utar dan kursus-kursus yang ditawarkan.

"Dengan itu, bukan sahaja pelajar Cina akan memohon tetapi juga pelajar Melayu, India, Kadazan dan Iban, semua boleh memohon," katanya.

Dr Ling berkata kemasukan pertama pelajar Utar melibatkan ramai pelajar Cina kerana maklumat mengenai universiti itu belum meluas dan ramai pelajar keturunan lain tidak menyedari akan kewujudan Utar.

"Kita telah mengatasi masalah itu dan berbincang dengan kaunselor-kaunselor sekolah supaya dapat memberikan nasihat supaya semua kaum akan memohon," katanya.

Beliau berkata antara langkah lain yang diambil bagi menarik kemasukan pelajar berbangsa lain ialah dengan memastikan yuran pengajian yang rendah.

Ditanya sama ada Utar akan melaksanakan sistem kuota, Dr Ling berkata ia tidak akan dilakukan kerana langkah itu akan hanya membataskan jumlah pengambilan pelajar.

Mengenai isu penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran matapelajaran Matematik dan Sains di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina), Dr Ling berkata ia sedang dibincangkan di kalangan komponen Barisan Nasional (BN).

"Saya selalu tegaskan BN adalah sebuah keluarga dan apa-apa masalah kita selesaikan melalui perbincangan dalaman, akhirnya kita tentu selesai, satu persatu," katanya.

Ditanya bila komponen BN yang mewakili kaum Cina akan berjumpa untuk menyelesaikan masalah itu, Dr Ling berkata "Selepas semua pihak selesai menjalankan kajian, yakin dengan apa yang hendak dilakukan, kami akan duduk berbincang."

Parti komponen BN yang mewakili kaum Cina ialah MCA, Gerakan, Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Maju Sabah (SAPP) dan Parti Liberal Demokratik (LDP).

-- BERNAMA

AT AHH MOZ